

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
KETIKA MEMBENTANGKAN KERTAS PUTIH MENGENAI STATUS EKONOMI
MALAYSIA DI DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA
6 APRIL 1999

Tuan Yang DiPertua,

Saya mohon mencadangkan satu usul untuk membentangkan Kertas Putih mengenai Status Ekonomi Malaysia. Usul saya berbunyi seperti berikut:

Bahawa Dewan ini,

menyedari akan perlunya diberi penjelasan yang sebenar mengenai usaha-usaha yang dilaksanakan untuk menangani krisis ekonomi serta kedudukan semasa ekonomi negara kepada semua lapisan rakyat Malaysia dan masyarakat antarabangsa;

menyokong Kerajaan melaksanakan dasar-dasar dan usaha-usaha yang diperkenalkan untuk menangani krisis ekonomi yang dihadapi;

merestui dasar-dasar dan usaha-usaha yang diperkenal untuk memulihkan ekonomi seperti dibentang dalam Kertas Perintah Bil. 6, Tahun 1999;

dalam merestui Kertas Putih Mengenai Status Ekonomi Malaysia, Kerajaan dengan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka untuk bersama-sama membantu memulihkan ekonomi negara.

2. Dengan izin Tuan Yang DiPertua, saya mohon membentangkan Kertas Putih Mengenai Status Ekonomi Malaysia untuk dibahaskan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang DiPertua,

3. Krisis kewangan yang melanda kebanyakan negara di Asia Timur sejak bulan Julai 1997 yang lalu berikutan dari serangan spekulasi ke atas matawang negara berkenaan telah menggugat kestabilan rantau ini dan boleh menghancurkan segala usaha selama tiga abad untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi, rantau yang dahulunya dikenali sebagai "the miracle economy" (dengan izin). Alhamdulillah, walaupun Malaysia turut terjejas, kita telah dapat mempertahankan ekonomi negara ini dari terus dihancurkan oleh pihak yang semata-mata ingin mengaut keuntungan tanpa mengira penderitaan yang dialami oleh negara yang terbabit. Krisis yang pada asalnya merupakan masalah kewangan telah menular menjadi masalah ekonomi dan sekarang telah berjangkit menjadi masalah sosio-politik. Sekiranya ini tidak dibendung dengan cepat dan menyeluruh, ia boleh mengheret negara ke dalam keadaan kucar-kacir.

4. Mungkin ada segelintir masyarakat kita yang mahu keadaan kucar-kacir ini berlaku. Namun apa yang nyata, hampir semua rakyat Malaysia mahukan keamanan dan mahukan ekonomi dipulih dengan cepat. Usaha-usaha pemulihan yang telah kita laksanakan pasti akhirnya mendatangkan kejayaan tetapi ini boleh dipercepatkan lagi jika tidak ditambah dengan gejala-gejala yang tidak sihat dalam negara yang membantutkan usaha Kerajaan.

5. Kita juga tahu ada segolongan komuniti antarabangsa yang masih dengan sifat penjajahnya atau yang mahu menjadi penjajah dan mahukan negara ini di bawah cengkaman mereka atau cuba menjajah kita dari segi ekonomi. Apa yang sedang berlaku sekarang adalah bukti bagaimana mereka cuba mengatur cara hidup kita. Mereka membiarkan ekonomi negara membangun sukar untuk "catch-up" (dengan izin) dengan mereka dari segi kedudukan ekonomi.

6. Oleh yang demikian, segala usaha Kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara dengan melaksanakan beberapa langkah kawalan, terutamanya yang diperkenalkan pada 1 September 1998, dianggap tidak rasional, malah dituduh bersifat "draconian" (dengan izin). Anehnya, langkah ini bukanlah instrumen baru dalam pengurusan ekonomi yang diperkenalkan oleh Malaysia, akan tetapi ia telahpun dilaksanakan di beberapa buah negara termasuk negara maju seperti Sepanyol, United Kingdom dan Australia.

Tuan Yang DiPertua,

7. Saya terpaksa mengulangi perkara ini untuk mengingatkan bahawa masalah ini masih belum selesai dan peranan pedagang matawang dan dana pelindung atau "hedge fund" (dengan izin) masih belum lenyap. Walaupun harapan kita supaya aktiviti mereka diawasi telah mendapat sokongan daripada sesetengah negara maju, namun belum nampak usaha yang nyata terutama daripada pihak Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk benar-benar menangani isu ini secara serius. Ini bererti, negara-negara membangun terutama yang lemah masih terdedah kepada risiko aktiviti pedagang matawang.

8. Kertas Putih ini adalah bertujuan untuk memberi penjelasan yang sebenar akan kedudukan ekonomi negara kepada semua lapisan rakyat dan menafikan mereka yang mempertikaikan segala usaha Kerajaan serta masyarakat antarabangsa yang sering diberi penjelasan yang salah dan serong oleh sesetengah pihak. Antara lain, Kertas ini akan menerangkan kedudukan sebelum dan selepas krisis kewangan, kesan-kesan krisis dan langkah-langkah Kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara. Adalah menjadi harapan Kerajaan supaya rakyat Malaysia dan juga masyarakat antarabangsa betul-betul dapat memahami apa yang sebenarnya berlaku dalam negara dan punca tercetusnya keadaan yang tidak menentu ini. Yang paling penting ialah rakyat mempunyai keyakinan penuh akan segala usaha Kerajaan untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi. Saya berharap, dengan penjelasan yang diberi, keikhlasan Kerajaan untuk memulihkan ekonomi dan membantu setiap lapisan masyarakat tidak lagi dipersoalkan.

Tuan Yang DiPertua,

9. Sebelum tercetusnya krisis kewangan ini, ekonomi- ekonomi Asia Timur, termasuk Malaysia, telah mencapai prestasi yang sangat memberangsangkan. Malah Malaysia telah mendapat pengiktirafan yang baik daripada IMF dan Bank Dunia berhubung dengan asas-asas ekonomi makro dan sektor kewangan serta prestasinya. Pertumbuhan ekonomi, diukur dari Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebenar meningkat pada paras 8.5 peratus bagi tempoh 1991-97. Ini secara langsung telah meningkatkan pendapatan per kapita negara sebanyak dua kali ganda dalam nilai dolar Amerika Syarikat. Kadar kemiskinan telah dapat diturunkan daripada 16.5 peratus kepada 6.1 peratus dalam tempoh yang sama, manakala golongan berpendapatan pertengahan atau "middle income group" (dengan izin) pula telah

meningkat daripada 33 peratus kepada 47 peratus. Program penyusunan semula masyarakat telah berjalan lancar, sehingga menghasilkan corak pemilikan kekayaan antara kaum yang lebih seimbang.

10. Pencapaian tersebut disokong oleh asas ekonomi yang kukuh. Bagi tempoh Januari-Julai 1997 kadar inflasi secara purata hanyalah pada 2.7 peratus, setanding dengan negara-negara maju. Kadar pengangguran pula di paras 2.6 peratus, iaitu paras gunatenaga penuh atau "full employment" (dengan izin) dan ia adalah jauh lebih rendah dari yang dialami oleh negara-negara maju pada 7.5 peratus. Kadar tabungan kita di tahap 39.4 peratus kepada Keluaran Negara Kasar (KNK), menjadikan Malaysia antara negara dalam golongan yang mempunyai tahap simpanan yang tertinggi di dunia. Hutang luar negara adalah rendah, disokong pula oleh rizab luar yang tinggi berjumlah US\$27.4 bilion, mampu untuk membiayai import tertangguh selama 4.3 bulan. Di samping itu, akaun sektor awam amatlah baik dengan lebihan belanjawan keseluruhan berjumlah RM17.3 bilion atau 6.6 peratus dari KNK.

11. Persoalannya bagaimanakah ekonomi yang sedang berkembang pesat yang diakui asasnya kukuh itu menjadi lesu dengan tiba-tiba? Ekonomi yang baru diberi "clean bill of health" (dengan izin) oleh institusi pelbagai hala dan agensi penarafan atau "rating agencies" (dengan izin) kini dipersalahkan. Mungkinkah krisis yang melanda negara semata-mata berpunca dari masalah tempatan sahaja. Tidak mungkin kekurangan yang terdapat pada asas ekonomi kita boleh mencetuskan masalah sehebat yang kita alami sekarang.

Tuan Yang DiPertua,

12. Pada masa ini semakin ramai para pemimpin negara, ahli akademik, penganalisis pasaran termasuk institusi pelbagaihala telah yakin bahawa aktiviti spekulasi yang tidak terkawal oleh pedagang matawang telah menjadi punca utama mencetuskan krisis kewangan ini. Aktiviti mereka telah menyebabkan kita menyaksikan satu demi satu negara di rantau ini tersungkur dan Malaysia tidak terkecuali dari serangan ini. Dengan turunnya nilai matawang, pedagang matawang telah secara langsung menyebabkan rantau ini menjadi miskin, ramai rakyatnya kehilangan pekerjaan dan banyak perniagaan jatuh muflis. Tidak hairanlah di sesetengah negara wujud keadaan yang tidak seimbang yang telah mencetuskan rusuhan dan seterusnya menggugat kestabilan Kerajaan.

Tuan Yang DiPertua,

13. Apabila ekonomi negara-negara terlibat menghadapi masalah, IMF telah bertindak dengan memberi pinjaman dengan syarat yang ketat. Jelas pinjaman ini adalah untuk menyelamatkan bank-bank asing dan bukannya bank tempatan yang dipaksa ditutup. Masa hadapan negara berkenaan terpaksa bergantung kepada bank-bank asing yang kini mengambil alih bank tempatan untuk membiayai pembangunan mereka daripada simpanan rakyat tempatan yang sememangnya mempunyai budaya menabung yang tinggi. Kepentingan diri semakin jelas dalam kes "Long-Term Capital Management" (dengan izin) di mana bank-bank yang terlibat dibantu oleh Federal Reserve Bank tanpa mempedulikan isu "moral hazard" (dengan izin) yang sering dikritik sekiranya cara ini dilaksanakan oleh negara membangun. Kini pendekatan IMF yang gagal membawa penyelesaian masalah ekonomi negara terbabit dikecam dengan suara yang lebih lantang.

14. Malaysia pada mulanya mengikut pendekatan IMF, antaranya dasar kewangan dan fiskal yang ketat. Walaupun ianya telah dapat mengawal tekanan harga dan memperbaiki kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran, tetapi ekonomi negara telah menguncup dengan cepat dan menjejaskan kesejahteraan hidup ramai pihak. Kadar faedah yang tinggi telah meningkatkan kos pinjaman bukan sahaja kepada pengusaha dan peniaga malah juga orang ramai yang perlu membayar pinjaman perumahan dan kenderaan.

15. Tindakan Bank Negara menghadkan pertumbuhan pinjaman telah menjejaskan peluang mendapatkan pinjaman walaupun untuk syarikat yang berprestasi baik, malah yang telah dijanjikan telah dibatalkan. Kedudukan ini diburukkan lagi apabila Bank Negara menukar pengelasan pinjaman belum berbayar (NPL) daripada enam bulan kepada tiga bulan, kononnya untuk setanding dengan piawaian antarabangsa. Pengurangan perbelanjaan Kerajaan yang mengakibatkan penangguhan beberapa projek ketika ekonomi merosot telah menjejaskan pula sektor swasta yang melaksanakannya. Oleh itu, banyak ruang untuk sektor swasta berkembang telah tertutup dan ini telah membantutkan perkembangannya.

16. Apabila sektor swasta yang menjadi enjin pertumbuhan tidak mampu berfungsi, sementara sektor awam dikecilkan, pertumbuhan ekonomi tentunya merosot. KDNK sebenar telah menguncup pada paras negatif 6.7 peratus pada tahun 1998, kemerosotan pertama kali sejak tahun 1985. Manakala pendapatan per kapita telah menurun kepada RM11,835 dalam tahun 1998 berbanding dengan RM12,051 dalam tahun 1997. Kadar pengangguran telah meningkat kepada 3.9 peratus dalam tahun 1998 daripada 2.6 peratus dalam tahun 1997.

17. Syukur Alhamdulillah, Kerajaan telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan pendekatan IMF. Kerajaan telah memutuskan untuk memperkenalkan langkah baru yang lebih pragmatik dengan menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). Majlis berkenaan telah dapat menyediakan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara yang dilancarkan pada 23 Julai 1998 dengan 6 objektif utama iaitu menstabilkan nilai ringgit, memulihkan keyakinan pasaran, mengekalkan kestabilan sistem kewangan, mengukuhkan asas-asas ekonomi makro, meneruskan agenda ekuiti dan sosio-ekonomi dan memulihkan sektor-sektor yang terjejas. Perakuannya kini sedang rancak dilaksanakan. Di samping melaksanakan Pelan Pemulihan ini, MTEN terus mengurus ekonomi secara "hands on" (dengan izin). Prestasi ekonomi sentiasa diawasi dan berbagai langkah tambahan telah diperkenalkan untuk memperkukuhkan lagi pelan pemulihan ekonomi.

Tuan Yang DiPertua,

18. Kerajaan telah melaksanakan banyak langkah "non- conventional" (dengan izin) mulai pertengahan tahun 1998. Bertentangan dengan pendekatan IMF, Kerajaan telah melonggarkan dasar kewangan dan fiskal bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Dalam keadaan di mana ekonomi negara mengalami masalah kecairan di dalam sistem perbankan, Kerajaan telah mengurangkan keperluan rizab berkanun (SRR) daripada 13.5 peratus kepada empat peratus, iaitu memasukkan semula dana berjumlah RM38.1 bilion dalam sistem perbankan. Kos dana yang pada satu ketika meningkat hampir 25 peratus telah dapat dikurangkan dengan langkah-langkah pragmatik Kerajaan yang mengembalikan kecairan dan kadar faedah pinjaman asas yang rendah.

19. Pengkelasan NPL bagi pinjaman yang tidak berbayar selama tiga bulan tentunya mengakibatkan banyak syarikat menghadapi masalah dengan kadar NPL meningkat tinggi. Untuk mengurangkan beban syarikat, Kerajaan telah mentakrif semula NPL bagi pinjaman yang tertunggak kepada enam bulan. Perlanjutan tempoh tersebut akan membolehkan juga institusi perbankan menumpukan perhatian kepada operasi kredit dan pembangunan projek baru. Ini bagi membolehkan sektor ekonomi sebenar menerima pembiayaan di samping memberikan masa kepada peminjam bagi menyelaraskan akaun mereka. Kerajaan sedar bahawa di dalam keadaan ekonomi yang meleset, syarikat yang berdaya maju juga mengalami masalah aliran wang tunai buat sementara.

Tuan Yang DiPertua,

20. Seperti yang sedia maklum, Malaysia telah berjaya meraih kemajuan yang pesat dalam tempoh tiga abad yang lalu, hasil dari keberanian kita melaksanakan pengurusan sosio-ekonomi negara dengan pendekatan "non- conventional" (dengan izin). Di bawah Dasar Ekonomi Baru kita telah melaksanakan program "social engineering" (dengan izin) walaupun cara kita telah dikritik oleh berbagai pihak. Kegigihan kita melaksanakan dasar ini tanpa menghiraukan kritikan akhirnya membuahkan hasil yang kini diiktiraf sebagai yang berjaya membawa pertumbuhan ekonomi yang pesat dan pembahagian faedah pembangunan yang seimbang.

21. Pengurusan ekonomi memerlukan perspektif yang menyeluruh, pandangan yang jauh dan kebijaksanaan serta pemahaman akan keadaan setempat. Kita tidak wajar memasukkan negara kita dalam mana-mana acuan negara lain. Kerana itulah apabila kestabilan negara digugat oleh ketidaktentuan nilai matawang dan aliran modal jangka pendek kita telah memilih jalan sendiri. Ketika itu Malaysia terdedah kepada risiko ketidakstabilan dalam pasaran kewangan serantau. Seruan Malaysia di pelbagai forum antarabangsa supaya satu peraturan kewangan antarabangsa diwujudkan untuk mengawal aliran modal jangka pendek dan urusan matawang tidak diindahkan.

22. Justeru itu, untuk mengelakkan negara daripada terus diganggu oleh pihak asing, Kerajaan telah mengumumkan langkah kawalan tukaran matawang pada 1 September 1998. Kita tidak rela matawang kita diniaga oleh pihak yang mempunyai niat jahat untuk mewujudkan keadaan yang tidak stabil. Ada pihak yang sengaja memanipulasi ringgit kita dengan menawarkan kadar faedah yang tinggi sehingga menyebabkan pengaliran keluar sejumlah besar ringgit mengakibatkan negara sendiri kekurangan ringgit dan menjejaskan kecairan. Langkah kawalan tukaran matawang ini telah dikecam hebat, walaupun ianya berupa kawalan secara selektif. Tetapi kini ada pendapat yang mengatakan tindakan yang diambil oleh Malaysia bukan sahaja menyelamatkan negara kita malah rantau ini. Ia menjadikan banyak pihak lebih berhati-hati untuk bertindak kerana kebimbangan negara lain akan mengikut jejak kita dan ini akan menjejaskan kepentingan mereka.

Tuan Yang DiPertua,

23. Kerajaan tetap bersikap fleksibel dalam melaksanakan dasarnya. Langkah kawalan matawang terpilih telah dilonggarkan apabila tujuan utama untuk menghindar spekulator matawang dan menstabilkan aliran masuk modal jangka pendek tercapai. Pada 4 Februari 1999 peraturan mengenai pegangan satu tahun modal portfolio telah diubah untuk membolehkan pelabur asing menghantar balik modal dan keuntungan, tertakluk kepada levi yang ditentukan mengikut masa dana

berkenaan dibawa masuk ke Malaysia dan tempoh pelaburan.

23. Di samping langkah-langkah di atas, Kerajaan juga berusaha menstruktur semula sektor kewangan dan korporat. Kerajaan telah menubuhkan tiga buah jentera iaitu Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Pinjaman Korporat (CDRC). Danaharta adalah sebuah syarikat pengurusan aset untuk membeli dan mengurus NPL daripada institusi kewangan pinjaman bermasalah yang melebihi RM5 juta, manakala Danamodal ditubuhkan untuk mempermodalkan semula atau "recapitalising" (dengan izin) institusi perbankan yang menghadapi kesulitan untuk meningkatkan modal mereka. CDRC pula melengkapkan peranan Danaharta dan Danamodal dengan menyediakan forum bagi penghutang dan pemiutang menyelesaikan masalah hutang. Kerajaan juga telah menubuhkan Tabung Pemulihan bagi Industri Kecil dan Sederhana untuk membantu syarikat-syarikat kecil dan sederhana yang mempunyai NPL kurang dari RM5 juta untuk mendapatkan pembiayaan bagi meneruskan operasi mereka.

25. Sehingga kini kesemua entiti ini telah mencapai kemajuan pelaksanaan yang baik. Malah, beberapa penganalisis telah mengatakan kita merupakan antara negara yang paling cepat melaksanakan penstrukturan semula sektor kewangan dan korporat yang menghadapi masalah yang berkemungkinan menjerumuskan negara sekiranya masalah mereka tidak ditangani dengan bijaksana.

26. Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk meningkatkan tahap piawaian pengendalian korporat atau "Corporate Governance" (dengan izin). Untuk menjaga kepentingan pemegang saham minoriti, Suruhanjaya Sekuriti telah meneliti semula peraturan urusniaga oleh pihak yang terlibat dan pihak yang berkaitan. Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah meminda syarat penyenaian termasuk meluaskan skop peraturan, meningkatkan keperluan pendedahan dan juga hak mengundi serta perlantikan penasihat korporat dan tanggungjawab pengarah. Seorang individu tidak dibenarkan memegang lebih daripada 25 jawatan pengarah untuk membolehkan mereka menumpukan lebih masa dan tenaga di dalam syarikat berkenaan.

Tuan Yang DiPertua,

27. Kerajaan tidak lupa kepada golongan miskin yang dilanda krisis ekonomi ini. Program bantuan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah telah diwujudkan dan diperkukuhkan. Kerajaan telah mengekalkan dan menambah beberapa peruntukan untuk golongan ini. Peruntukan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) telah dikekalkan sementara tambahan sebanyak RM100 juta telah diberi kepada Amanah Ikhtiar Malaysia untuk membolehkan pinjaman tanpa faedah diberikan kepada lebih ramai rakyat termiskin. Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM200 juta bagi skim kredit mikro untuk membantu peniaga dan penjaja kecil di kawasan bandar. Kerajaan juga telah menubuhkan Tabung Usahawan Kecil yang menyediakan kemudahan pembiayaan sehingga maksimum RM20,000 dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga yang akan diperluaskan ke seluruh negara untuk menyediakan pinjaman sehingga maksimum RM10,000.

28. Untuk menangani masalah berkaitan dengan pemilikan ekuiti Bumiputera, beberapa langkah telah diperkenalkan oleh Kerajaan. Bumiputera individu yang menghadapi masalah akibat krisis kewangan dan kegawatan ekonomi, dibenar menjual saham-saham mereka atau sebahagian daripada kepentingan mereka kepada bukan Bumiputera atau pelabur asing. Walau bagaimanapun, Bumiputera lain atau agensi Bumiputera dan institusi akan diberi pilihan pertama untuk membeli

saham itu. Bantuan telah diberi untuk memulih dan membangun semula syarikat Bumiputera yang strategik yang telah diuruskan dengan baik dan menguntungkan sebelum kemelesetan ekonomi.

Tuan Yang DiPertua,

29. Sejak MTEN ditubuhkan, Majlis telah mengadakan enam mesyuarat yang mana turut melibatkan semua Kerajaan negeri. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, banyak program dan projek yang telah disyorkan oleh MTEN dan diluluskan oleh Jemaah Menteri sedang dilaksanakan dengan gigih oleh semua Kerajaan negeri. Antara projek yang telah membantu pemulihan ekonomi dan mengurangkan tekanan harga serta mengurangkan import adalah projek mengeluarkan bahan makanan seperti sayur-sayuran, ikan, dan ternakan. Kini Kerajaan sedang berusaha untuk melaksanakan projek pertanian berskala besar, melibatkan sektor swasta. Kerajaan-kerajaan negeri telahpun memberi tanah yang luas kepada pengusaha untuk projek berkenaan. Bagi tanaman makanan, seluas 10,800 hektar tanah telah diluluskan sementara 11,124 hektar tanah terbiar sedang dibangunkan semula.

30. Kerajaan negeri juga telah memberi kerjasama sepenuhnya bagi memudah dan mempercepatkan kelulusan bagi pelaksanaan projek perindustrian, infrastruktur dan pembangunan rumah murah. Proses mendapatkan kelulusan telah juga diringkas dan dipendekkan. Salah satu usaha yang berjaya adalah kempen memiliki rumah atau "House Ownership Campaign" (dengan izin) yang telah membantu pemaju yang mengalami masalah penjualan rumah.

Tuan Yang DiPertua,

31. Langkah pemulihan ekonomi yang diambil tentunya memerlukan sumber kewangan yang besar. Kerajaan telah menganggarkan bahawa sebanyak RM62 bilion diperlukan. Pada mulanya ramai yang ragu akan kemampuan kita mendapatkan pembiayaan yang diperlukan. Alhamdulillah, sehingga kini kita telah berjaya mendapat pinjaman pada kadar yang menarik. Kedudukan hutang luar negeri kita yang kecil membolehkan kita memperolehi pinjaman yang diperlukan. Kerajaan telah memperolehi pinjaman daripada Jepun iaitu sebanyak US\$2.63 bilion, termasuk US\$635 juta daripada Sumitomo-Nomura, US\$1 bilion daripada OECF dan US\$1 bilion dari Bank Eksport-Import Jepun. Selain dari itu sebanyak US\$700 juta telah diperolehi dari Bank Dunia dan US\$25 juta dari Bank Pembangunan Islam. Kesediaan pihak Jepun memberi pinjaman kepada Malaysia dengan terma yang amat menarik jelas menunjukkan kepercayaan mereka kepada negara ini. Kerajaan juga sedang berunding untuk mendapat pinjaman tambahan dari Bank Eksport-Import Jepun sebanyak US\$700 juta dan juga dari Overseas Economic Cooperation Fund (OECF). Turut menunjukkan keyakinan kepada kita adalah konsortium 12 bank asing tempatan yang telah memberi pinjaman sebanyak US\$1.35 bilion pada kadar yang menarik. Ini secara langsung menolak tanggapan negatif agensi penarafan antarabangsa yang memberi penarafan yang rendah untuk Malaysia.

32. Selain dari sumber tersebut, Kerajaan bercadang menggunakan sumber tempatan melalui penerbitan sekuriti dan bon dengan dividen yang dijamin. Dalam hubungan ini, institusi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan tabung-tabung pencen bolehlah membeli sekuriti dan bon ini berasaskan pertimbangan komersil. Bertentangan dengan sesetengah pendapat, pelaburan KWSP dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia adalah lebih terjamin tanpa risiko dengan pulangan yang munasabah. Pada masa ini

pelaburan KWSP dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia adalah sebanyak 31 peratus sahaja berbanding dengan yang dibenarkan di bawah Akta KWSP sebanyak 70 peratus.

Tuan Yang DiPertua,

33. Langkah yang diambil oleh Kerajaan selama ini telah menunjukkan tanda-tanda awal pemulihan ekonomi. Antara petunjuk yang mencerminkan kedudukan ekonomi semakin baik adalah: -

(i) Perkembangan KDNK suku tahun keempat 1998 telah menguncup lebih kecil berbanding suku tahun ketiga. Malah pertumbuhan sektor pembuatan berasaskan Indeks Pengeluaran Pembuatan telah mencatatkan pertumbuhan positif dalam bulan Februari 1999 iaitu pertama kali sejak 12 bulan.

(ii) Petunjuk pelaburan seperti jumlah pinjaman yang telah diluluskan oleh sistem perbankan telah meningkat. Penggunaan dana di bawah tabung-tabung juga telah bertambah terutama Tabung Industri Kecil dan Sederhana dan Tabung Makanan.

(iii) Petunjuk penggunaan swasta seperti jualan kenderaan dan jumlah pinjaman perumahan juga telah bertambah baik. Jualan kenderaan telah meningkat lebih dari tiga kali ganda berikutan dari berkurangnya kadar faedah, kadar margin sewa-beli dan harga kereta. Kempen Pemilikan Rumah yang telah dilancarkan pada 12 Disember 1998 bagi tempoh satu bulan pula telah membantu meningkatkan penjualan rumah.

(iv) Paras harga telah menurun seperti ditunjukkan oleh Indeks Harga Pengguna yang meningkat hanya 3.8 peratus pada bulan Februari 1999 manakala Indeks Harga Pengeluar mencatatkan pertumbuhan negatif 3.9 peratus pada bulan Januari. Perkembangan harga yang menurun ini, secara langsungnya memudahkan sektor korporat untuk merancang perniagaan mereka dengan lebih yakin di samping mengurangkan kos perniagaan. Bagi pengguna pula, ia telah melegakan kos sara hidup.

(v) Pada bulan Februari 1999, Malaysia telah mencatatkan lebihan dagangan bagi tempoh 16 bulan berturut-turut. Imbangan perdagangan mencatatkan lebihan sebanyak RM58.4 bilion dalam tahun 1998, satu rekod dalam sejarah negara. Bagi bulan Januari dan Februari 1999, lebihan dagangan terus diperolehi. Prestasi perdagangan luar yang memberangsangkan ini telah mengukuhkan rizab luar negeri bersih kepada US\$28.6 billion pada pertengahan bulan Mac 1999, cukup untuk membiayai 6.2 bulan import tertanggung.

(vi) Bagi sektor perbankan, kadar berian pinjaman asas purata bagi bank perdagangan telah berkurangan dengan ketara sekali daripada paras yang tinggi sebanyak 12.27 peratus pada akhir bulan Jun 1998 kepada 8.04 peratus pada akhir bulan November 1998 dan terus kekal hingga kini. Paras ini adalah setanding dengan paras 8.03 peratus pada akhir tahun 1995. Penurunan kadar faedah ini telah melegakan pembayaran beban khidmat hutang sektor korporat dan isirumah, samada pinjaman permodalan, perumahan, kenderaan dan lain-lain. Saya yakin ramai yang telah mendapat faedah dan menarik nafas lega apabila kadar faedah kembali ke tahap sebelum krisis.

(vii) Peranan yang dimainkan oleh Danaharta dengan membeli NPL dari institusi

perbankan pula telah membantu mengurangkannya ke paras yang mudah dikendalikan dan membebaskan institusi perbankan dari persoalan hutang sematamata. Bank pada masa ini boleh memberi tumpuan kepada aktiviti pinjaman baru yang penting untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi. Sehingga penghujung bulan Disember 1998, NPL telah berkurang kepada 7.5 peratus berdasarkan penkelasan 6 bulan dari tahap tertinggi 11.4 peratus dalam bulan Ogos 1998.

(viii) prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur juga telah bertambah baik sejak Kerajaan memperkenalkan langkah kawalan tukaran matawang asing terpilih dan pemulihan pasaran modal pada 1 September 1998. Malah, jika dibandingkan dengan pasaran saham antarabangsa yang lain BSKL merupakan antara bursa saham yang mencatatkan peningkatan terbaik sejak tarikh tersebut.

Tuan Yang DiPertua,

34. Dari tanda-tanda positif yang telah ditunjukkan dalam ekonomi negara, Kerajaan berpendapat bahawa prospek tahun 1999 adalah cerah. Kita menjangka ekonomi akan pulih dan mencatatkan pertumbuhan dalam lingkungan satu peratus. Namun, sekiranya langkah yang diambil dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan, ada kemungkinan kita mencapai pertumbuhan yang lebih besar. Walaupun perkembangan luar negeri juga turut mempengaruhi prospek ekonomi memandangkan ekonomi kita yang terbuka, sumber pertumbuhan dalam negeri adalah lebih penting. Sehubungan ini, kesemua rakyat Malaysia mempunyai peranan sama ada sebagai pembeli, pengeluar, tokoh korporat atau pegawai Kerajaan untuk memastikan negara pulih semula. Kerajaan telah melaksanakan dasar yang perlu untuk meletakkan ekonomi kita kembali ke landasannya agar zaman kegemilangan akan kita kecapai semula. Walaupun kita telah menunjukkan ketegasan dalam situasi tertentu, kita juga fleksibel apabila perlu. Insya-Allah dengan berkat usaha kita semua dan dengan komitmen dan sokongan kuat dari rakyat, ekonomi negara akan pulih dengan cepatnya.

Tuan Yang DiPertua,

35. Saya mohon mencadangkan.